

UMS teroka bidang ternakan, tenusu

BH 21.1.16 B

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini menerokai bidang penternakan dan penghasilan produk tenusu yang menawarkan pengajian baharu kepada pelajarannya, selain mampu menajana pendapatan kepada universiti.

Ia hasil kerjasama universiti itu dengan syarikat ladang ternak, Yun Fook Resources Sdn Bhd menerusi memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani di Dewan Canselor UMS, di sini, semalam, sekali gus menyaksikan usaha sama kedua-dua pihak berkaitan bidang perladangan tenusu.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi, berkata kerjasama adalah dari segi pembelajaran dalam latihan pengurusan keselamatan, keselamatan makanan, latihan praktikal dan industri, penyelidikan dan perundingan serta pertukaran pelajar dan kakitangan.

Jana pendapatan UMS

Beliau berkata, kerjasama itu juga bakal menajana pendapatan kepada UMS menerusi produk tenusu yang dihasilkan.

“Selain kita belajar, UMS dapat meningkatkan pendapatan bukan saja menerusi produk tenusu, malah produk lain



Zaki (belakang dua dari kanan) menyaksikan Mohd Harun bertukar dokumen dengan Yun Fook (kanan) pada **majlis menandatangani MoU di antara UMS dengan Yun Fook Resources Sdn Bhd** di Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO WILLIE JUDE-JUNAIDI/BH]

yang dihasilkan daripada bidang perladangan,” katanya kepada media selepas majlis menandatangani MoU itu.

Tanah seluas 28 hektar

Yang turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan pemilik syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd, Datuk Yap Yun Fook.

Zaki berkata, program terabit akan dimulakan di tanah seluas 28 hektar milik UMS di Apin-Apin, Keningau dan se-

terusnya dikembangkan ke Sandakan.

Terdahulu, pada majlis sama, UMS menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Perubatan Zunyi, China, bagi menubuhkan Makmal Antarabangsa Bersama Bagi Ethnomedicine yang ditandatangani wakil universiti berkenaan, Prof Lu Yuan Fu dan Prof Huang Hua Ling.

Mohd Harun berkata, kedua-dua pihak bersetuju memfo-

kuskan kerjasama dalam bidang penyelidikan saintifik peringkat antarabangsa, latihan dalam bidang sains dan teknologi serta penubuhan sebuah pasukan akademik antarabangsa.

“Selain itu, perjanjian merangkumi usaha menubuhkan sistem pengurusan tertinggi dan sumbangan kepada pembangunan ekonomi wilayah Guizhou serta Malaysia menerusi penjanaan sumber,” katanya.